



TEKS UCAPAN PERASMIAN

PENGARAH

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR

PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI 2021,

PERINGKAT NEGERI JOHOR

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Datuk-Datuk /Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang

Dihormati Sekalian,

- 1. Terlebih dahulu izinkan saya menyatakan rasa syukur kepada Allah kerana telah memberi peluang kepada saya untuk berucap bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2021 Peringkat Negeri Johor. Dalam masa yang sama, saya juga berharap anda semua berada dalam kesihatan yang baik di samping keluarga tercinta di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.**
- 2. Untuk makluman semua, Hari Bumi disambut setiap tahun pada 22 April dan merupakan acara tahunan Jabatan Alam Sekitar yang**

dianjurkan di seluruh negara sama ada di Peringkat Kebangsaan mahupun di Peringkat Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak. Tema Hari Bumi pada tahun ini ialah “Pulihkan Bumi Kita”. Fokusnya adalah pada proses semula jadi, teknologi hijau yang muncul dan pemikiran inovatif yang dapat memulihkan ekosistem dunia. Oleh itu, tema ini juga menolak kepercayaan bahawa hanya mitigasi dan penyesuaian adalah cara untuk menangani perubahan iklim. Memulihara bumi merupakan satu tuntutan syarak – satu fardu kifayah. Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan secara bersama oleh semua golongan masyarakat, tidak hanya berharap dan diserahkan kepada pihak kerajaan. Hasrat memenuhi tanggungjawab besar tersebut perlu dipenuhi dalam dua fasa; pertama: mencetuskan kesedaran dan kedua melaksanakan tindakan.

- 3. Sambutan Hari Bumi pada tahun ini disambut secara sederhana kerana Negara kita masih lagi sedang berhadapan dengan pandemik COVID 19, Justeru itu saya ingin mengajak anda semua rakyat Johor khususnya untuk bersama-sama menyambutnya melalui cara sendiri di kediaman dan tempat kerja masing-masing pada tahun ini seperti aktiviti penanaman pokok, mengurangkan penggunaan elektrik dan aktiviti-aktiviti lain yang boleh membantu kita memelihara dan memulihara alam sekitar di sekeliling kita. Aktiviti-aktiviti sedemikian boleh dianggap sebagai satu ibadah kepada Allah di dalam bulan yang mulia ini.**

Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Mana-mana orang Islam yang bercucuk tanam kemudian dimakan daripadanya burung, manusia atau binatang tiada yang lain kecuali baginya sebagai sedekah.”

Riwayat al-Bukhari (2320)

- 4. Selain itu sempena Hari Bumi, Jabatan juga telah menyusun beberapa program secara terkawal dengan melibatkan kumpulan sasar tertentu dan terhad iaitu Kempen menanam pokok di kediaman masing masing, Kempen Penghijauan Pejabat (1 pegawai 1 pokok), Program pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (E-Waste) dan Kuiz Alam Sekitar .**
- 5. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda semua yang**

bakal bersama -sama menyambut dan merealisasikan sambutan ini. Semoga sambutan ini dapat disambut baik oleh rakyat Negeri Johor bagi memberi sokongan atas usaha memulihkan bumi kita yang tercinta ini.

- 6. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Bumi 2021 Peringkat Negeri Johor.**
- 7. Sekian, terima kasih.**